

Diskaun saman punca kes pandu lebih had laju naik

Pihak berkuasa perlu bertindak lebih keras, bicarakan pesalah di mahkamah

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Diskaun terhadap saman dikeluarkan polis, adalah di antara punca meningkatnya perbuatan memandu melebihi had laju di negara ini.

Langkah bertujuan mengurangkan saman tertunggak itu, menyebabkan ramai pemandu terus memandang ringan saman dikeluarkan terhadap mereka.

Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Ma-

dya Dr Law Teik Hua, berkata keadaan itu menyumbang kepada situasi tidak takut disaman kerana ramai menganggap akan ada diskauan diberikan polis.

Katanya, pemandu negara ini juga mempunyai mentaliti yakin tidak dikenakan sebarang tindakan susulan yang lebih berat jika mengabaikan saman yang dikenakan.

“Dalam menangani perkara ini, aspek penguatkuasaan adalah paling baik. Atas dasar itu, pihak berkuasa tidak boleh memberikan diskauan.

“Sekarang ini ada budaya di mana bila dapat saman kerana memandu melebihi had laju, kita tidak mahu terus membayarnya kerana yakin akan ada diskauan.

“Aspek penguatkuasaan termasuk tindakan saman sepatutnya menakutkan pengguna jalan raya dan bukannya dipandang lewa,” katanya ketika dihubungi BH, disini.

Beliau mengulas kenyataan Pengarah Jabatan Siasatan Dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Bukit Aman, Datuk Azisman Alias, yang dilaporkan berkata, kesalahan trafik paling tinggi direkodkan pada tahun lalu, ialah memandu kenderaan melebihi had laju.

Bagi kesalahan memandu melebihi had laju, saman maksimum yang dikenakan terhadap pesalah oleh polis ialah sebanyak RM300.

Pada masa sama, Teik Hua berkata, tindakan lebih tegas perlu dilaksanakan pihak berkuasa seperti menguatkuasakan kesalahan itu sebagai saman yang tidak boleh dikompaun, sebaliknya perlu dibicarakan di mahkamah.

Katanya, menaikkan had laju khususnya di lebuh raya negara ini bukan penyelesaian utama dalam isu ini berikutan pada akhirnya gaya pemanduan ini bergen-

tung kepada sikap yang sukar diubah.

Beliau berkata, selain itu, masalah utama yang membelenggu pemandu di negara ini yang merasakan memandu melebihi had laju bukanlah masalah dan isu besar, selain yakin untuk mengendalikan kenderaan.

“Had laju ditetapkan di negara ini adalah mengikut standard antarabangsa dan jika kadar itu diubah pun, masalah pemanduan melebihi had laju tidak boleh diselesaikan.

“Ketika memandu, kita tidak dapat berasaskan kelajuan ketika berada dalam kenderaan berbanding jika kita berdiri di tepi jalan.

“Berbanding dengan pemanduan menggunakan telefon bimbit, mereka berasaskan ia adalah lebih berbahaya namun tidak berasaskan perkara sama ketika memandu melebihi had laju,” katanya.



“Dalam menangani perkara ini, aspek penguatkuasaan adalah paling baik. Atas dasar itu, pihak berkuasa tidak boleh memberikan diskauan.”

Law Teik Hua,
Ketua Pusat Penyelidikan
Keselamatan Jalan Raya
Universiti Putra Malaysia
(UPM)